

## Kriteria Usahawan Berjaya: Satu Perbincangan Dari Perspektif Islam

Shuhairimi Abdullah<sup>1</sup>

### ABSTRAK

*Usahawan berjaya menurut kerangka mu`amalah Islam ialah individu yang memakmur dan memanfaatkan setiap anugerah Allah untuk manfaat manusia sejagat. Pada asasnya, Islam memberi kebebasan kepada umatnya untuk bergerak secara dinamis memperkasakan pelbagai bidang keperluan manusia sebagaimana yang dituntut oleh syara`. Ini kerana, dalam pemahaman Islam, usahawan dikonotasikan sebagai pemegang amanah yang bertanggungjawab sebagai khalifah dan hamba Allah mengurus dan mentadbir khazanah alam untuk kemaslahatan umat manusia amnya. Justeru itu, dalam disiplin keusahawanan Islam didapati wujudnya kriteria-kriteria tertentu yang menjadi indikasi asas untuk menilai usahawan berjaya. Pada dasarnya, kriteria-kriteria penilaian usahawan berjaya yang digariskan dalam artikel ini digarap berdasarkan kepada petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah serta perbincangan para ulama`. Secara alternatifnya, kriteria-kriteria penilaian ini boleh dijadikan panduan kepada usahawan muslim untuk mengukur kejayaan mereka dari sudut kaca mata mu`amalah Islam. Natiujahnya, apabila kriteria-kriteria ini dipenuhi oleh usahawan secara tidak langsung ia akan melahirkan usahawan berjaya yang bersifat holistik dan diproyekkan untuk memenuhi kelestarian hasanah di dunia dan akhirat.*

**Katakunci:** Usahawan berjaya, perspektif Islam, al-Falah, nilai-nilai murni.

### I. PENGENALAN

Dalam apa jua aktiviti yang dilakukan oleh manusia, Islam memberi panduan kepada golongan tersebut untuk menjadi mukmin yang cemerlang dan berjaya (*al-falah*). Begitu juga dalam skop keusahawanan, semangat *al-falah* yang dihayati oleh para usahawan muslim secara konsisten akan mendorong mereka mengoptimumkan segala sumber-sumber yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T untuk kemaslahatan umat manusia sejagat. Menurut Muhammad Akram (2003), *al-falah* secara literalnya difahami sebagai kejayaan atau kesejahteraan

---

<sup>1</sup> SHUHAIRIMI ABDULLAH, Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan, Universiti Malaysia Perlis, Kangar, Malaysia, shuhairimi@unimap.edu.my.

merangkumi kehidupan di dunia dan akhirat. Kejayaan yang dikecapi ini perlu disertai dan dihayati selaras dengan pandangan hidup Islam yang *syumul*.

Oleh yang demikian, kejayaan dan kesejahteraan yang dirumuskan sebagai *al-falah* hanya akan diperolehi berasaskan metodologi yang digariskan oleh syarak iaitu kepercayaan yang kukuh terhadap order tauhid, beriman kepada ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W dan berpegang kepada Islam sebagai satu cara hidup yang menyeluruh. Dari perspektif keusahawanan pula, terminologi konsep *al-falah* ialah untuk membangunkan potensi pengusaha atau insan untuk berinteraksi secara positif dengan Pencipta, sesama manusia dan alam berasaskan prinsip mu'amalah Islam. Secara amnya, penilaian usahawan berjaya menurut perspektif Islam adalah berasaskan kepada kriteria-kriteria tertentu yang digarap melalui pedoman al-Qur'an dan al-Sunnah.

## II. USAHAWAN BERJAYA (AL-FALAH)

Sehubungan dengan itu, Islam mempunyai asasnyanya yang tersendiri dalam mengupas persoalan konsep kejayaan ataupun konsep *al-falah*. Legitimasi konsep ini digarap berasaskan petunjuk yang telah dirakamkan dalam al-Qur'an. Di antaranya, ayat-ayat yang berkaitan dengan konsep tersebut seperti firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*“Sesungguhnya berjayalah orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya dengan menunaikan zakat harta itu. Dan mereka yang menjaga kehormatannya. Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela. Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang yang melampaui batas. Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya. Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya. Mereka itulah orang yang berhak mewarisi. Yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya.*

(al-Mukminun:1-11)

Dalam ayat-ayat tersebut, Ibn Kathir (1980) telah menggariskan ciri-ciri atau sifat-sifat yang menjadi keperluan asas kepada setiap individu muslim untuk mencapai kejayaan sebagaimana yang diperihalkan oleh wahyu. Justeru itu, individu muslim yang dapat mengadaptasikan sifat-sifat terpuji tersebut dalam jiwa mereka adalah golongan yang mendapat rahmat dan petunjuk serta memperolehi kejayaan sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Allah S.W.T. Sebagai ganjarannya golongan yang bersifat sedemikian akan menjadi pewaris kepada Syurga Firdaus dan akan tinggal kekal abadi di dalamnya.

Berasaskan peruntukan ayat-ayat al-Qur'an tersebut, kejayaan ataupun diistilahkan sebagai *al-falah* yang dislogankan oleh Islam adalah sinonim dengan *mafhum* mencari keredaan Allah S.W.T. Oleh itu, mana-mana perlakuan individu yang berkontradiksi ataupun mengatasi peraturan-peraturan yang telah digariskan oleh syara' maka sudah tentulah tindakan tersebut terkeluar daripada objektif kejayaan yang diiktiraf oleh Islam. Penegasan ini menunjukkan bahawa apa sahaja bentuk aktiviti manusia objektif muktamadnya bukan sahaja berakhir di alam dunia ini tetapi secara implisitnya ialah mendapat tempat, rahmat dan keuntungan di hari pembalasan kelak Muhammad Nejatullah Siddiqi (1979).

Konseptual kejayaan juga banyak disentuh dalam *al-Sunnah*. Di antaranya dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A telah berkata maksudnya:

*"Rasulullah S.A.W bersabda: yang disebut kaya, bukanlah kaya harta benda duniawi, tetapi yang dikatakan kaya ialah kaya jiwa."*

(Hadith sahih diriwayatkan oleh Muslim)

Merujuk kepada hadith tersebut, Nabi Muhammad S.A.W telah mengisytiharkan bahawa tindakan manusia yang merangkumi jiwa, pemikiran dan perlakuan yang memberi keutamaan kepada pertimbangan syari'at akan memandu mereka ke jalan yang diredhai oleh Allah S.W.T. Atas landasan tersebut, tindak-tanduk manusia yang berdiri di atas *manhaj Ilahi* tersebut akan memberi kesan yang positif terhadap pembangunan spiritual, intelektual dan fizikal manusia.

Sehubungan dengan itu, usahawan yang menepati konsep *al-falah* ialah individu yang mengaplikasikan amalan keusahawanan berasaskan kepada kesedaran beragama yang merangkumi komponen-komponen penting seperti akidah, syariah dan akhlak Ismail Noor (1999), Syafi'i Antonio (2008). Ketiga-tiga asas ini menjadi paksi kepada proses operasi dan aktiviti keusahawanan yang diusahakan mereka. Menurut Abu Zahrah (1960), apa sahaja amalan atau pekerjaan yang diusahakan tidak boleh dijuzukkan secara berasingan dengan keperluan asas tersebut. Atas kesedaran dan keyakinan kepada asas-asas yang dinyatakan ini maka wujudnya konsep halal dan haram serta dosa dan pahala yang menjadi garis panduan yang jelas kepada para usahawan berkaitan dengan perkara yang diharuskan dan juga ditegah. Asas pertimbangan ini dilihat sebagai keperluan penting kepada golongan usahawan supaya tidak terlibat dengan sebarang bentuk aktiviti yang berpotensi mendatangkan kesan kemusnahan (*kefasadan*) dan juga bertentangan dengan objektif syara'. Natijahnya, cerminan usahawan berjaya dalam Islam adalah individu muslim yang berjaya memenuhi tanggungjawabnya sebagai pemegang amanah sama ada tanggungjawabnya dengan Allah sesama manusia dan juga makhluk ciptaan Allah yang lain.

### **III. Kriteria-Kriteria Asas Usahawan Berjaya**

Secara amnya, penilaian usahawan berjaya menurut perspektif Islam adalah berasaskan kepada kriteria-kriteria tertentu yang digarap melalui pedoman al-Qur'an dan al-Sunnah. Realitinya, Islam mempunyai mekanisma tertentu yang boleh dihubungkan dalam penilaian kriteria usahawan berjaya. Justeru itu, berdasarkan pemerhatian tersebut dapat dirumuskan bahawa indikasi kriteria-kriteria yang signifikan sebagai satu garis panduan umum terhadap penilaian usahawan berjaya akan diperincikan dalam artikel ini.

#### **1. Berpegang Teguh Kepada Cara Hidup Islam.**

Konsep usahawan berjaya menurut kerangka keusahawanan Islam secara tipikalnya ialah individu yang memiliki iltizam dan penghayatan yang tinggi terhadap cara hidup Islam yang sempurna dalam setiap aspek kehidupannya. Berpegang teguh kepada ajaran agama ini menjadi asas yang konkrit kepada setiap individu usahawan muslim untuk meletak dan menundukkan diri secara hakiki kepada Allah Yang Maha Esa. Impaknya, ia akan melahirkan sifat-sifat ketaqwaan dalam diri individu tersebut yang cenderung kepada jalan-jalan untuk mengerjakan kebajikan. Pemahaman ini dapat dilihat berdasarkan firman Allah S.W.T dalam al-Qur'an yang bermaksud:

*“Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk; maka tiadalah beruntung perniagaan mereka dan tidak pula mereka beroleh petunjuk hidayah.”*

(al-Baqarah:16)

Merujuk kepada ayat tersebut Ibn Kathir (1980) mengemukakan pentafsirannya bahawa penggunaan istilah “*ishtarau*” dalam ayat tersebut merujuk kepada mengambil, memilih atau mengutamakan kesesatan daripada petunjuk ajaran Allah dan Rasulullah S.A.W. Golongan manusia tersebut telah keluar daripada petunjuk hidayah dan menuju kepada kesesatan, dari jamaah Islam kepada perpecahan, daripada keamanan kepada ketakutan. Malah mereka juga meninggalkan Sunnah kepada bid'ah yang jelas bertentangan dengan perintah Rasul. Menurut keterangan yang dikemukakan oleh Sayyid Qutb (1986), beliau menegaskan bahawa ayat tersebut mempreskripsikan kerugian yang dihadapi oleh manusia. Mereka mempunyai pilihan dan keupayaan untuk mendapat hidayah kerana petunjuk tersebut telah dianugerahkan kepada mereka namun golongan tersebut masih lagi memilih untuk membeli kesesatan dengan hidayah. Beliau mengemukakan analogi seperti sikap para peniaga yang bodoh. Sudah

tentulah hasil perniagaan mereka tidak akan mencapai keuntungan dan dalam masa yang sama juga golongan tersebut tidak akan mendapat hidayah.

Wahbah al-Zuhailly (1993) menukilkan bahawa golongan manusia yang bertaqwa menyakini sepenuhnya kekuasaan Allah S.W.T dan beriman secara mutlak dengan isi kandungan ajaranNya. Ketaqwaan yang dimiliki tersebut akan membentuk jiwa manusia mencintai kebenaran dan mencegah perkara-perkara yang mengundang kepada kemungkaran dan kemusnahan. Dalam masa yang sama juga, ia akan meletakkan martabat manusia pada tahap yang mulia dan beriltizam mempertahankan kebaikan serta melaksanakan segala kewajipan dengan sempurna.

Jika disingkap dari dimensi Sunnah pula, terdapat beberapa hadith yang mengukuhkan lagi bahawa pegangan agama yang kukuh sebagai pra-syarat untuk menjadi individu atau sebagai usahawan yang berjaya. Merujuk kepada sabda Nabi S.A.W yang bermaksud:

Daripada Anas r.a., katanya:

*"Ada seorang lelaki meminta kambing kepada Nabi S.A.W. sepenuh lembah antara dua bukit, lalu diberi oleh baginda. Kemudian orang itu datang kepada kaumnya kemudian berkata. "Wahai, kaumku! Islamlah kamu semuanya! Demi Allah, sesungguhnya Muhammad telah memberikan kepada saya suatu pemberian yang banyak sekali tanpa dia takut miskin." Maka berkata Anas, "Jika ada seseorang masuk Islam kerana berhajatkan harta dunia, dia itu bukan Islam, sehingga Islam itu sendiri lebih dicintainya daripada harta benda dunia dan segala yang ada di atasnya."*

(Hadith sahih riwayat oleh Muslim)

Berdasarkan kepada dalil sunnah yang dibentangkan tersebut jelaslah bahawa Rasulullah S.A.W telah memberi penegasan kepada umatnya supaya sentiasa meletakkan kepentingan agama melebihi daripada segala-galanya. Ini kerana, pegangan dan penghayatan keagamaan yang tinggi dalam diri usahawan akan menjamin keselamatan dan menjanjikan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Dalam pada itu, kebanyakan para sarjana juga telah bersetuju bahawa usahawan yang berjaya adalah individu yang berjaya menghayati tuntutan keagamaan dalam amalan mereka. Sebagai contoh, pandangan yang dilontarkan oleh Adnan Alias *et. al.*, (1997) bahawa usahawan yang berjaya ialah individu bersikap pro aktif mencari peluang, bijak menggunakan strategi untuk mengembangkan perniagaan bagi tujuan mencari keuntungan. Meskipun begitu, dalam usaha merencanakan pelaksanaan tersebut individu tersebut perlu sedar terhadap obligasi dan kapasitinya sebagai hamba Allah. Malah individu usahawan yang memiliki kesedaran tersebut sentiasa bertanggungjawab terhadap keutamaan-

keutamaan yang telah dipertanggungjawabkan oleh agama kepada mereka. Menurut kajian yang dilakukan oleh Sudin Haron (1990), beliau mendapati usahawan yang berjaya ialah individu yang sentiasa bersyukur di atas segala nikmat yang telah dikurniakan kepadanya. Atas keyakinan inilah para usahawan muslim sentiasa memberi perhatian kepada amalan yang mendatangkan pahala, mengutamakan etika yang sihat dan mengusahakan aktiviti yang diredhai oleh syara' Mushtaq Ahmad (1995).

Malah sarjana Barat juga seperti Geoffrey Meredith *et. al.*, (1982), M. Scarborough dan Thomas W. Zimmerer (1996) memperakui bahawa usahawan yang berjaya mempunyai ciri-ciri antaranya memiliki dorongan untuk berprestasi, mempunyai keupayaan tenaga yang tinggi mengutamakan kualiti dan pengawasan. Pendapat yang dikemukakan oleh Astamoen (2005) pula mengutarakan individu yang memiliki jiwa keusahawanan antaranya ialah berjiwa sosial dan mengutamakan kebajikan umum. Tidak dinafikan lagi bahawa ciri-ciri positif yang dinyatakan tersebut secara implisitnya adalah didorong oleh kepercayaan dan keyakinan serta motivasi yang tinggi kesan daripada penghayatan kepada kehidupan beragama.

## **2. Berusaha Melalui Saluran Yang diHalalkan Oleh Agama**

Pada hakikatnya, kodifikasi tata kelakuan manusia sama ada pada domain yang dizinkan oleh syara' atau sebaliknya telahpun dijelaskan oleh al-Qur'an. Umumnya, al-Qur'an telah memberi penegasan kepada manusia supaya bermu'amalah dengan jalan yang haq dan dihalalkan oleh syara'. Petunjuk ini adalah berasaskan kepada firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*"Katakanlah: Adakah kamu lihat apa yang diturunkan Allah untuk manfaat kamu itu sehingga dapat kamu jadikan sebahagian daripadanya haram, dan sebahagian lagi halal? Katakanlah lagi: Adakah Allah izinkan bagi kamu berbuat demikian, atau kamu hanya mengada-adakan secara dusta terhadap Allah?"*

(Yunus: 59)

Mengulas ayat di atas, Ibn Kathir memberikan pandangannya bahawa Allah S.W.T mencela golongan yang telah dianugerahkan oleh Allah S.W.T dengan rezekiNya tetapi sebahagian daripada rezeki tersebut dinyatakan haram dan sebahagian daripada yang lain ditafsirkan halal menurut keperluannya sendiri. Secara relatifnya, manusia tersebut hanya menurut kehendak hawa nafsu dan akal fikiran semata-mata tanpa bersandarkan kepada tafsiran agama. Oleh yang demikian, manusia yang bertindak mengharamkan apa yang telah dihalalkan oleh Allah S.W.T dan menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah S.W.T diancam dengan

azab siksaan yang pedih pada hari akhirat kelak disebabkan mereka dianggap mengada-adakan kedustaan terhadap Allah.

Tuntutan kepada para pengusaha supaya memberi keutamaan kepada aktiviti yang sihat dan dihalalkan oleh syara` serta tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak negatif banyak ditegaskan dalam al-Sunnah antaranya seperti sabda Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud:

*"Sesungguhnya para pedagang akan dibangkitkan kelak pada hari kiamat sebagai orang yang curang, kecuali orang-orang yang bertaqwa kepada Allah, berbuat kebajikan dan jujur.*

(al-Tirmidhi)

Begitu juga dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda maksudnya:

*"Sesiapa yang ada di tangannya kepunyaan saudaranya, diperolehi dengan jalan tidak halal, hendaklah diadakannya penyelesaian, kerana di situ (di akhirat) nanti tidak ada dinar dan dirham (untuk membayar). Jangan sampai nanti diambil kebajikannya untuk diberikan kepada saudaranya. Setelah habis kebajikannya, diambil dosa saudaranya lalu ditimpakan kepadanya."*

(al-Bukhari)

Berasaskan kepada hadith yang telah dibentangkan tersebut dapat difahami bahawa Islam mengharamkan sebarang bentuk perdagangan atau perusahaan yang mengandungi unsur-unsur kezaliman, ketidakadilan, penindasan, diskriminasi dan sebagainya. Ini kerana, sifat-sifat tersebut mempunyai stigma nilai yang tercela dengan fitrah agama dan manusia. Oleh itu, pendapatan atau perolehan yang didapati oleh para pengusaha secara suci dan halal adalah sebahagian daripada tanggungjawabnya di dunia ini sebagai bukti ketaatannya yang tinggi dan juga untuk memenuhi keperluan ibadahnya kepada Allah S.W.T dan juga sesama makhluk yang lain, Faisal Badroen (2006).

### **3. Menghayati Nilai-Nilai Murni**

Jika diperhatikan sebahagian daripada keperluan manusia khususnya dalam sektor keusahawanan, semua aktiviti yang terangkum di dalamnya perlu diletakkan dalam kerangka ibadah kepada Allah S.W.T dan juga terikat kepada sistem nilai yang bersumberkan kepada syari`at Islam. Sebagai contoh, Islam memberi kebebasan kepada manusia supaya berusaha kepada perkara-perkara

yang boleh meningkatkan produktiviti. Ia memberi isyarat kepada manusia bahawa Islam mempraktikkan nilai-nilai yang positif untuk menyuburkan peradaban manusia yang bersifat harmoni dan holistik. Legitimasi ini ditegaskan melalui firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*"Dan tuntutanlah dengan harta yang Allah kurniakan kepadamu akan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah kamu lupakan bahagianmu dari dunia; dan berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu; dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan."*

(al-Qasas:77)

Mengulas ayat tersebut Ibn Kathir (1980) memberi penjelasan bahawa Allah S.W.T telah memberi peringatan kepada manusia supaya memanfaatkan harta kekayaan yang telah dianugerahkan untuk beribadah kepadaNya dan dalam masa yang sama juga berbuat sesama manusia. Ia boleh dilakukan dengan cara menafkahkan sebahagian daripada harta kekayaan untuk membantu golongan yang memerlukannya dan tidak melakukan kerosakan dengan sewenang-wenangnya di muka bumi ini.

Dari perspektif Sunnah pula, terdapat beberapa buah hadis yang menekankan tentang kepentingan nilai-nilai yang perlu dihayati oleh para usahawan. Antaranya Sabda Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud:

*"Apakah pencarian yang paling baik? Baginda menjawab maksudnya: "Orang yang bekerja dengan tangannya dan tiap-tiap jual beli yang bersih."*

(al-Bazzar)

Hadis lain pula menjelaskan daripada Abu Hurairah, Nabi Muhammad S.A.W bersabda yang bermaksud:

*"Rasulullah S.A.W pernah melintasi selonggok makanan, lalu baginda memasukkan tangannya ke dalam bahan makanan tersebut. Apabila merasakan tangan Baginda basah, Baginda lalu bertanya maksudnya: Apa ini wahai pemilik makanan? Pemilik makanan itu menjawab: "Terkena air hujan , ya Rasulullah." Rasulullah S.A.W bersabda: Kenapa tidak kamu letakkan di atas supaya orang dapat melihatnya, barang siapa yang menipu, maka dia tidak termasuk dalam golonganku."*

(Hadith sahih riwayat Muslim)

Berdasarkan kepada hadis-hadis yang diutarakan tersebut, jelaslah bahawa Nabi Muhammad S.A.W memberi petunjuk kepada umatnya khususnya terhadap golongan usahawan ataupun pedagang berasaskan kepada mekanisme yang mengaitkan usaha perniagaan dengan tuntutan agama. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa Islam menyeru pengikutnya yang menceburi dalam dunia keusahawanan supaya mempraktikkan nilai-nilai murni dalam setiap transaksi yang dijalankan dan mencela terhadap golongan yang bertindak di luar kehendak agama.

Dalam pada itu, sarjana Barat seperti Gay Hendricks dan Kate Ludman (1997) melalui kajian yang dijalankan terhadap para usahawan berjaya mendapati mereka mempraktikkan nilai-nilai murni dalam amalan mereka. Kajian tersebut mendapati secara umumnya, nilai-nilai tertinggi yang menjadi pegangan usahawan berjaya seperti jujur, bertanggungjawab, menepati janji, tidak mengumpat dan mencampuri hal orang lain, meluangkan masa untuk berfikir, membuat senarai keutamaan dan terbuka dengan kritikan para pelanggan serta merangka strategi dengan baik seperti pemilihan lokasi, produk yang hendak dipasarkan dan sebagainya. Jika diamati jelaslah bahawa nilai-nilai tersebut adalah merupakan sebahagian daripada nilai-nilai terpuji yang dianjurkan oleh keusahawanan Islam. Berdasarkan kepada nilai-nilai murni yang dijelaskan tersebut dapat disimpulkan bahawa nilai-nilai murni yang dituntut untuk dipraktikkan oleh usahawan berjaya adalah jadual berikut:

Jadual 1. Nilai-Nilai Murni

| Bil. | Nilai-Nilai Murni                       |
|------|-----------------------------------------|
| 1.   | Amanah                                  |
| 2.   | Strategi Yang Berhikmah                 |
| 3.   | Melaksanakan Transaksi Menurut Syari`at |
| 4.   | Sederhana                               |

#### **4 Menginfaqkan Harta ke Jalan Allah S.W.T**

Antara penilaian kriteria usahawan berjaya menurut kerangka keusahawanan Islam ialah individu yang melazimi dirinya menginfaqkan sebahagian daripada hartanya ke jalan yang diredhai oleh Allah S.W.T. Penekanan kepada faktor ini adalah berasaskan kepada tuntutan al-Qur'an dan al-Sunnah. Mushtaq Ahmad (1995), menjelaskan bahawa secara tersiratnya syara` menyeru kepada umat

manusia supaya *menginfaqkan* sebahagian daripada harta mereka kepada golongan tertentu supaya pengagihan kitaran harta kekayaan dapat dilakukan secara adil dan saksama dalam institusi masyarakat.

Jika dilihat dari skop pandangan al-Qur'an pula didapati banyak ayat-ayat yang menyeru manusia supaya *menginfaqkan* sebahagian daripada harta yang diperolehi mereka. Antaranya firman Allah S.W.T iaitu:

Maksudnya: *"Bukanlah suatu kebajikan itu kamu menghadapkan muka ke Timur dan Barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, segala malaikat, segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermakan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang miskin, orang yang musafir, orang yang meminta-minta, orang yang memerdekakan hamba abdi; orang mendirikan sembahyang, serta mengeluarkan zakat, dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka berjanji orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan kesakitan, dan dalam peperangan. Mereka itulah orang yang benar; dan mereka itulah juga orang yang bertakwa."*

(al-Baqarah: 177)

Pentafsiran yang dijelaskan oleh Ibn Kathir (1980) menyatakan bahawa ayat tersebut mengandungi prinsip-prinsip asas dan kaedah yang menjelaskan tentang akidah yang lurus. Beliau juga memetik pandangan yang telah dikemukakan oleh al-Thauri dengan menjelaskan bahawa ayat ini merangkumi semua tujuan iman dan taqwa. Iman boleh didefinisikan sebagai tidak ada tuhan melainkan Allah S.W.T, beriman dengan hari qiamat, percaya kepada hari pembalasan dan percaya kepada para Malaikat dan Nabi S.A.W. Dalam persoalan perhubungan dengan masyarakat pula, Ibn Kathir berpendapat setiap individu muslim juga dituntut supaya melakukan sedekah kepada golongan yang memerlukan, mengeluarkan zakat dan *menginfaqkan* sebahagian daripada harta mereka ke jalan Allah S.W.T. Beliau telah memetik sebuah hadis yang bermaksud:

*"Daripada Thauban R.A, katanya Rasulullah S.A.W bersabda: Sebaik-baik dinar yang dinafkahkan seseorang, ialah yang dinafkahkannya untuk keluarganya, untuk ternak yang dipeliharanya, untuk kepentingan membela agama Allah (fi sabilillah) dan nafkah untuk para sahabatnya yang berperang fi sabilillah."*

(Hadith sahih riwayat Bukhari)

Menurut kajian yang dilakukan oleh Mushtaq Ahmad (1995), beliau mendapati keterangan-keterangan yang ada dalam al-Qur'an menunjukkan tidak kurang daripada sebelas ayat yang menyeru kepada golongan muslim supaya mengorbankan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah. Apa yang menariknya al-Qur'an menarik perhatian kepada manusia dengan menegaskan harta terlebih dahulu daripada terma jiwa. Secara implisitnya, ia memberi satu indikasi yang jelas kepada manusia bahawa menurut kaca mata al-Qur'an mengorbankan yang pertama lebih diutamakan daripada yang kedua, al-Thahawi (1974). Keterangan inilah yang mengukuhkan lagi bahawa *infaq* merupakan aktiviti yang diberi penekanan dalam Islam. Oleh yang demikian, segala perolehan atau pendapatan yang didapati akan menjadi nikmat dan kebajikan jika ia disalurkan ke arah jalan-jalan kebaikan. Berasaskan kepada penjelasan inilah, elemen *infaq* merupakan sebagai daripada indikasi yang perlu diambilkira untuk menilai kejayaan seseorang usahawan. Bertitik-tolak daripada pengertian tersebut, pensyariaan *infaq* memberi peluang kepada para usahawan muslim untuk menggunakan sumber-sumber yang ada pada mereka sama ada dalam bentuk material, tenaga, inovasi, kreativiti dan sebagainya untuk diinfaqkan ke jalan Allah.

## 5 Menunaikan Tanggungjawab Terhadap Diri, Keluarga dan Pekerja

Umumnya, penilaian usahawan berjaya bukan hanya diukur dari aspek kejayaannya yang cemerlang sebagai pengurus ataupun pengusaha dan berjaya mencatat perolehan keuntungan yang berlipat-ganda. Secara absahnya, usahawan muslim cemerlang ialah individu yang berjaya mematuhi dan menjaga amanah terhadap tuntutan keagamaan secara sepenuhnya. Sehubungan dengan itu, Islam memberi tunjuk-ajar yang sempurna kepada manusia khususnya kepada golongan usahawan supaya memenuhi tanggungjawab terhadap dirinya atas kapasitinya sebagai seorang individu muslim. Menurut Wajdi Ghanim (2007), sebagai pengusaha ia tertakluk kepada hak-hak tanggungjawab yang perlu disempurnakan ke atas dirinya meliputi pemilihan nama (nama syarikat atau agensi) yang baik, memelihara sembahyang, memelihara syi'ar Islam, menundukkan pandangan, menunaikan zakat, bersedekah, berakhlak terpuji dan bertawakkal serta mengharap keredhaan Allah. Semua tuntutan yang telah digariskan tersebut adalah berkaitan dengan tanggungjawab diri sebagai seorang pengusaha seperti yang telah disentuh oleh al-Qur'an.

Golongan pengusaha yang mematuhi perintah tersebut sentiasa mendapat petunjuk dan taufiq daripada Allah S.W.T. Gambaran ini dinukilkan oleh al-Qur'an, firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*"(Mengapa pemberian Kami itu mereka ingkarkan?) Adakah mereka berkuasa membahagi-bahagikan (perkara-perkara keruhanian dan keagamaan yang menjadi sebesar-besar) rahmat Tuhanmu (wahai Muhammad, seolah-olah Kami hanya berkuasa dalam perkara kebendaan*

*dan keduniaan sahaja? Kami membahagi-bahagikan antara mereka keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini; dan Kami telah meninggikan darjat setengah mereka dari setengahnya yang lain; supaya sebahagian dari mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya dari (bantuan) setengahnya yang lain. Dan lagi rahmat Tuhanmu (yang meliputi kebahagiaan dunia dan akhirat) adalah lebih baik dari kebendaan dan keduniaan semata-mata yang mereka kumpulkan.”*

(al-Zukhruf: 32)

Dalam ayat tersebut, Ibn Kathir (1980) melontarkan pandangannya bahawa pada kemuncaknya rahmat Allah adalah lebih baik daripada habuan dunia yang dihimpun dan dikumpul oleh manusia. Tegasnya, pemberian rezeki oleh Allah S.W.T kepada hambaNya adalah tanda kasih dan redhaNya terhadap golongan manusia. Sebaliknya, mereka yang ditipu oleh kemewahan dan kesenangan dunia yang bersifat sementara senantiasa ditipu dengan kepalsuan keindahan dunia. Akibatnya, jiwa mereka yang lompong dari cahaya agama akan mudah diisi dengan pujukan hawa nafsu dan bisikan syaitan yang sentiasa mengintai peluang menyeru manusia kepada kesesatan.

Seseorang usahawan yang cemerlang bukan sahaja berjaya sebagai seorang pengusaha tetapi dalam masa yang sama juga mereka adalah pemimpin kepada ahli keluarga mereka. Malah syara` sangat menghargai tindakan tersebut dan perbuatan tersebut dinilai sebagai sedekah yang dilaksanakan oleh pelakunya. Dari sudut pandangan al-Qur'an, antara ayat-ayat yang menyeru manusia bertanggungjawab terhadap ahli keluarga seperti yang diperihalkan oleh al-Qur'an tentang peristiwa dua orang wanita dengan Nabi Musa. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*“Dan tatkala ia sampai di telaga air negeri Madyan, ia dapati di situ sekumpulan orang sedang memberi minum ternakan mereka, dan ia dapati selain mereka dua wanita yang sedang menahan kambing-kambing mereka. Ia bertanya: Apa hal kamu berdua? Mereka menjawab: Kami tidak memberi minum sehingga pengembala itu membawa balik binatang ternak mereka; dan bapa kami seorang yang terlalu tua umurnya.”*

(al-Qasas: 23)

Menurut Yusuf al-Qaradawi (1999), ayat al-Qur'an tersebut membentangkan satu peristiwa yang berlaku pada zaman Nabi Musa tentang usaha dua orang wanita memberi air kepada kambing ternakan mereka dengan bantuan Nabi Musa. Kedua-dua wanita tersebut berkerja sebagai pengembala kambing milik keluarga mereka disebabkan usia bapanya yang telah lanjut dan lemah fizikalnya. Menurut pandangan Ibn Kathir (1980), disebabkan bapa kepada kedua gadis tersebut telah lanjut usia dan tidak dapat melakukan pekerjaan tersebut maka keduanya

mengambil tanggungjawab untuk menguruskan urusan tersebut. Oleh yang demikian, mengambil pedoman daripada intisari ayat tersebut, dapat disimpulkan bahawa menjadi satu kewajipan kepada para usahawan untuk membantu dan menanggung keperluan ahli keluarga di bawah tanggungannya.

Dari aspek yang lain pula, usahawan juga bertanggungjawab secara langsung kepada pekerja atau staf di bawah organisasinya. Dengan kata lain, usahawan mempunyai jaringan terhadap warga kerja dalam struktur pentadbirannya. Sebagai majikan, ia bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kebajikan dan mewujudkan suasana keceriaan dan harmoni dalam lanskap pekerjaan atau perkhidmatan yang disediakan. Sebagai contoh, dalam soal pemberian gaji atau upah, para usahawan perlu memberi pertimbangan yang sewajarnya ke setiap pekerja berasaskan kepada kepakaran yang dimiliki dan kadar sumbangan yang diberikan dalam memajukan syarikat ataupun perniagaan yang diuruskan.

Secara *de factonya*, al-Qur'an menarik perhatian manusia bahawa setiap individu berhak untuk mendapat ganjaran hasil daripada usahanya. Jika diperhatikan didapati sebahagian daripada manusia berusaha dengan gigih berbanding dengan kelompok yang lain. Bertitik-tolak daripada realiti tersebut ia memberi pengajaran kepada manusia bahawa hikmah kejadiannya yang diciptakan oleh Allah S.W.T dengan keupayaan dan kreativiti serta potensi yang berbeza. Justeru itu, pengabaian dan penafian hak individu dalam situasi yang tersebut serta menahan imbuhan atau insentif yang sewajarnya diperolehi oleh pekerja yang produktif seolah-olah mematikan motivasi yang lahir dalam diri mereka. Pada kemuncaknya ia meninggalkan kesan yang negatif dalam diri pekerja untuk terus maju dan berdaya saing. Parameter ini dijelaskan oleh al-Qur'an, Allah S.W.T berfirman yang bermaksud:

*"Dan janganlah kamu merugikan manusia pada hak-haknya dan janganlah kamu bermaharaja lela di muka bumi dengan membuat kerosakan ."*

(al-Syu'ara: 183)

Menurut Ibn Kathir (1980), ayat tersebut merupakan rentetan daripada peristiwa yang berlaku di antara Nabi Syu'aib dengan kaumnya. Baginda menasihati kaumnya supaya berlaku jujur dalam transaksi perniagaan. Ini kerana, apabila berlaku elemen kecurangan dalam perniagaan ia akan menimbulkan kerugian di sebelah pihak dan di satu pihak lagi akan memperolehi keuntungan yang bukan pada haknya. Oleh yang demikian, dengan mengambil pengajaran daripada tafsiran ayat tersebut sudah pastilah golongan usahawan perlu mengorganisasikan aktiviti yang di usahakan secara akauntabiliti, berintegriti dan adil supaya orang-orang disekelilingnya menjalani kehidupan yang tenang dan harmoni.

Menyorot pandangan daripada al-Sunnah berkaitan tanggungjawab usahawan, didapati banyak hadith yang menyentuh tentang keperluan tersebut di antaranya iaitu: Sabda Nabi S.A.W dalam satu hadis bermaksud:

*“Ketahuilah! Setiap kamu adalah penggembala (pemimpin), dan setiap kamu akan ditanya tentang gembalaanmu (kepemimpinan mu). Seorang Amir (raja, penguasa, pembesar atau pemimpin) yang berkuasa terhadap rakyat, akan ditanya tentang kepemimpinannya. Seorang lelaki adalah pemimpin atas keluarganya. Dia akan ditanya tentang kepemimpinannya. Seorang wanita adalah pemimpin di rumah tangga suami dan anak-anaknya. Dia akan ditanya tentang kepemimpinannya. Seorang hamba sahaya adalah pemimpin atas harta kekayaan majikan yang dipercayakan kepadanya. Dia juga akan ditanya tentang kepemimpinannya. Ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan ditanya tentang kepemimpinannya.”*

(Hadith sahih daripada al-Muslim)


Dalam sebuah hadith Qudsi, Allah S.W.T berfirman maksudnya:

*“(Terdapat) Tiga (jenis manusia) yang Aku menjadi musuh mereka pada hari Qiamat: Seorang yang telah aku berikan kecukupan tetapi ingkar, seorang yang menjual orang merdeka kemudian memakan wangnya, dan seorang yang mengupah seorang pekerja dan pekerja tersebut menyempurnakan tugas tersebut tetapi orang itu tidak memberi upahnya.”*

(Hadith sahih daripada al-Bukhari)

Berdasarkan kepada hadith-hadith yang dibentangkan tersebut jelaslah bahawa Islam menuntut hak keadilan yang sewajarnya diberikan kepada manusia. Dalam konteks keusahawanan pula, Islam menuntut kepada para pengusaha untuk melaksanakan tanggungjawab sama ada terhadap keluarga, pekerja bawahannya dan pihak-pihak yang berkaitan dengannya.

Natijahnya, usahawan muslim yang berjaya bukan sahaja dilihat dari sudut prospek kejayaan material yang dimilikinya semata-mata. Sebaliknya, ia juga perlu dinilai dari aspek-aspek lain yang dituntut oleh syariat Islam. Secara umumnya, kriteria-kriteria yang telah dibincangkan tersebut diringkaskan seperti rajah berikut:



Sumber: Kajian Usahawan Berjaya.

Rajah 1. Kriteria Usahawan Berjaya.

#### IV. KESIMPULAN

Usahawan berjaya menurut dimensi keusahawanan Islam adalah individu yang berusaha memajukan aktiviti yang dilaksanakannya mengikut landasan yang dikehendak oleh Islam. Meskipun, ganjaran keuntungan adalah sebahagian daripada pendorong kepada aktiviti keusahawanan, namun ia bukanlah dianggap sebagai objektif mutlak yang menjadi kayu ukur kejayaan usahawan. Sebaliknya, objektif utama yang perlu disasarkan oleh usahawan muslim adalah kejayaan yang diredhai Ilahi merangkumi keuntungan di dunia dan juga akhirat. Inilah hakikat kejayaan yang menjadi manifestasi unggul kepada kerangka keusahawanan Islam dalam menjana usahawan profesional muslim.

#### RUJUKAN

Abu Zahrah, Muhammad (1960) *Fi Tarikh al-Madhahib al-Fiqhiah*. Kaherah: Matbaah al-Madani.

Adnan Alias, Azizan Abdullah, Baharuddin Ismail, Farok Zakaria, Fauziah Pawan, Jamaluddin Che Sab, LailaMohd Kamaruddin, Mat Yasin Jamil,

- Mustafa Yasin, Nawawi Mohd Jan, Nik Mustafa Shapri Abd. Latiff, Norela Nuruddin, Rahimah Sarmidy, Roslan Ab. Rahim, Saridan Abu Bakar, Siti Zaharah Buyong, Sodri Ariffin, Wan Ismail Wan Mamat, Zainag Ahmad, Zainal Lode dan Zanariah Zainal Abidin (1997) *Keusahawanan*. Selangor: MEDEC.
- Ahmad, Mushtaq (1995) *Business Ethics in Islam*. Pakistan: International Institute of Islamic Thought. Antonio, Muhammad Shafi'i (2008) *Muhammad S.A.W.: The Super Leader Super Manager*. Jakarta: Pro Lm Centre.
- Astamoen, Moko P (2005) *Entrepreneurship*. Bandung: Alfabeta.
- Faisal Badroen, Suhendra, S.Ag., M. Arief Mufraeni, Lc., dan Ahmad D. Bashori (2006), *Etika Bisnes Dalam Islam*. Jakarta: Kencana.
- Ghanim, Wajdi (2007) *Suluk al-Muslim*, cet. 2. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ghazali, Abu Hamid (1982) *Mukashafah al-Qulub ila al-Muqarrab ila Hadrati `Allam al-Ghuyub*. Beirut: Dar Kutub al-`Ilmiah.
- Hendricks, Gay dan Ludeman, Kate (1997) *The Corporate Mystic*. U.S: Bantam Book.
- Ibn Hajar al-`Asqalani, Ahmad ibn `Ali (2004) *Bulugh al-Maram*. Kaherah: Dar Ibn Haitham.
- Ibn Kathir, `Ismail ibn `Umar (1980) *Tafsir Ibn Kathir*, Beirut: Dar al-Fikr
- Ismail Noor (1999) *Prophet Muhammad's Leadership The Paragon of Excellence Altruistic Management: A Cross Application to Modern Management and Leadership Practice*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Khan, Muhammad Akram (2003) *Islamic Economics and Finance: A Glossary*. New York: Routledge.
- Meredith, Geofferey Grant, Robert, E. Nelson, Philip A. Neck (1982) *The Practice of Entrepreneurship*. Geneva. International Labour Office.
- Muhammad Salleh Majid (2003) *Budaya Usahawan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Muhammad Syukri Salleh (1990) *Fungsi dan Peranan Islam Dalam Pembangunan Ummah: Antara Harapan dan Kenyataan*, dlm Shahnnon

Ahmad, *Konsep Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Muslim, al-Hajjaj al-Qusyairi al-Nisaburi Abi al-Husayn, (1981). *Sahih Muslim*. Istanbul: Cagri Yayinlari.

Qaradawi, Yusuf, al- (1980) *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

\_\_\_\_\_ (1999) *Daur al-Qimah wa al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami*. Cairo: Muassasah al-Risalah wa al-Nashr al-Tauzi`.

Qutb, Sayyid (1986) *Tafsir fi Zilali al-Qur'an*. Jeddah: Dar `Am.

Siddiqi, Muhammad Nejatullah (1979) *The Economic Enterprise in Islam*. Lahore: Islamic Publications.

Sudin Haron (1990) *Ke Arah Menjadi Usahawan Berjaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Surtahman Kastin Hassan dan Sanep Ahmad (2005) *Ekonomi Islam dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Thahawi, Ibrahim (1974) *al-Iqtisad al-Islami*. Kairo: Majma` al-Buhuth al-Islamiah.

Tirmidhi, Muhammad bin `Isa al-(1981) *Sunan al-Tirmidhi*. Istanbul: Cagri Yayinlari.

Zimmerer, W, Thomas dan, Norman M Scarborough (1996) *Entrepreneurship and the New Venture Formation*. Upper Saddle River N.J.: Prentice Hall

Zuhaily,Wahbah (1993) *al-Qur'an al-Karim Bunyatuhu al-Tasri`iyyah wa Khasaisuhu al-Hadariyyah*. Damaskus: Dar al-fiqh.

